

Gifra Kencana Kembara Nysantara Jilid Dua



PENYELENGGARA:

Roslimna Mohmmed Saad
M Mascitah Mansor
Akhmal Hakim Mohamad
Mohd Azhar @ Azmeer Abu Bakar

Citra Kencana *Kembara Nysantara* Jilid Dua

PENYELENGGARA:

ROSLIMNA MOHAMMED SAAD

M MASCITAH MANSOR

AKHMAL HAKIM MOHAMAD

MOHD AZHAR @ AZMEER ABU BAKAR



AKSARA M.A.S. VENTURES

KUALA LUMPUR

2025

Buku **Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua** ini diterbitkan oleh Aksara M.A.S. Ventures.

Aksara M.A.S. Ventures

(No Pendaftaran Syarikat: CA0379558-D)

G-13-3, Warisan Cityview,

Jalan 3/93A, Batu 2 ½,

56100, Cheras,

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,

Malaysia.

Alamat e-mel: penerbitaksaramas@gmail.com

Cetakan Pertama 2025

© Aksara M.A.S. Ventures

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan sebarang bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Aksara M.A.S. Ventures.

Reka bentuk kulit dan reka letak:

Mashitah Jafridin (mashitahjj@gmail.com)

Puteri Nur Sarah Ain'nin Abd Latif (puterisarahlatif@gmail.com)

Rekaan ilustrasi dan gambar:

Mashitah Jafridin (mashitahjj@gmail.com)

Penyelaras gambar travelog:

Putri Nur Zafifah binti M Harun (putrinurzafifah@gmail.com)

Pakar rujuk kandungan bahasa Indonesia:

Ibu Yusfi Ikrima Ariyanti (Guru Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang)

Ibu Indah Dwi Lestari (Guru Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang)

ISBN: 978-629-99343-6-3



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99343-6-3

Prabicara

“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan kepada Allah jualah (kamu) dibangkitkan hidup semula”
(Surah al-Mulk, Ayat 15)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas limpahan rahmat dan inayah-Nya. Dengan izin Allah SWT, tercapailah impian daripada hasrat yang tersimpul, kelahiran karya travelog serumpun yang dinamakan “Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua”. Naskhah travelog ini bukan sekadar projek dokumentasi perjalanan, tetapi sebuah wadah menyulam ukhuwah, menyemai kefahaman, dan menyantuni perbezaan dalam hidup berkasih sayang sesama insan.

Berlayar sampan ke laut biru,
Ditiup bayu ke daratan tenang;
Serumpun bangsa sejiwa satu,
Ukhuwah dibina tak mudah goyang.

Walaupun perjalanan merealisasikan projek ini menuntut kesabaran dan komitmen tinggi; berdepan kekangan masa, komunikasi dan jarak budaya, tetapi segalanya dilalui dengan penuh iltizam. Yakin bahawa setiap cabaran adalah sebahagian daripada hikmah yang mendewasakan, dan setiap langkah merupakan tapak asas kepada penyatuan dua negara serumpun; Malaysia dan Indonesia.

Bermulanya cetusan idea ini apabila pihak Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah, Malang (Ponpes), Indonesia dengan penuh keterbukaan dan semangat ukhuwah, telah

mengundang Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan Budaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (CiTRA, UIAM) untuk mengadakan lawatan rasmi serta perkongsian ilmu dan budaya. Undangan tersebut disambut dengan tangan terbuka, lalu menjadi titik tolak kepada pelaksanaan program dua hala ini. Maka pada awal tahun 2025, berangkatlah delegasi Malaysia yang diketuai oleh Puan Roslimna Mohmmmed Saad ke bumi Malang dengan satu misi: memupuk perpaduan melalui seni penulisan dan pengalaman kembara.

Satu pengisian dalam lawatan tersebut ialah Sesi Perkongsian Penulisan Travelog, yang berjaya menghimpunkan peserta dari pelbagai latar belakang; pendidik, pelajar, dan penulis muda dari Indonesia. Sambutan amat menggalakkan dengan sebanyak 70 penyertaan, mencerminkan minat yang mendalam terhadap dunia penulisan dan keterbukaan untuk berkongsi kisah dan sudut pandang yang berbeza. Usaha ini menjadi permulaan manis dan indah dalam hasrat untuk membina dan menghubungkan silaturahim antara dua negara. Hal ini disebabkan, sesungguhnya pena mampu menyatukan jiwa meskipun jarak memisahkan rupa.

Terbit mentari di ufuk timur,
Cahayanya indah menyinari jiwa;
Citra Nusantara berjiwa luhur,
Menyatu bangsa dalam bahasa.

“Citra Kencana Kembara Nusantara” merupakan gabungan naratif pengalaman dan rakaman jiwa, ditulis dengan suara hati yang merentasi batas geografi. Setiap kisah yang tercatat bukan sekadar cerita perjalanan fizikal, tetapi juga gambaran pertemuan budaya, penyatuan rohani, dan penghayatan terhadap nilai kemanusiaan

sejagat. Travelog ini mencerminkan keindahan menjadi berbeza tetapi tetap bersatu, dengan tema kembara silang budaya ini, iaitu 'Perpaduan dalam Perbezaan'.

Pada masa yang sama, projek ini juga membuka ruang kepada pengkarya muda untuk menajamkan bakat dan memperkaya pengalaman mereka. Penulisan travelog bukan hanya tentang mencatat lokasi yang dilawati, tetapi tentang menghayati makna di sebalik peristiwa. Pengalaman dan kemahiran ini sangat penting dalam usaha membangunkan peribadi insan rahmatan lil 'alamin.

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya kepada pihak Ponpes atas layanan mesra dan kepada setiap peserta yang menyumbang tenaga dan ilham. Diharapkan jalinan kerjasama ini menjadi titik mula kepada lebih banyak inisiatif bersama yang menyatukan dua negara serumpun dalam medan ilmu, seni dan budaya.

Semoga catatan kembara ini menjadi saksi bahawa dalam dunia yang semakin berpecah, masih ada suara-suara kecil yang memilih untuk bersatu. Semoga naskhah ini terus mekar sebagai inspirasi, bahawa setiap kembara bukan sekadar perjalanan jasad, tetapi juga perjalanan jiwa menuju makna yang lebih mendalam, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Barisan penyelenggara:
Roslimna Mohmmed Saad
M Mascitah Mansor
Akhmal Hakim Mohamad
Mohd Azhar @ Azmeer Abu Bakar

Serumpun Budi

"Mulalah dengan menulis hal-hal yang kau ketahui.
Tulislah tentang pengalaman dan perasaanmu sendiri."

J.K. Rowling

Syukur alhamdulillah, dengan penuh rasa kesyukuran dan penghargaan, saya ingin mengucapkan terima kasih daripada lubuk hati kepada semua yang telah terlibat dalam pembikinan buku travelog yang bertajuk "Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua" atas sumbangan tenaga, idea, dan sokongan sepanjang perjalanan penerbitan buku ini.

Sebagai ketua delegasi Program Silang Budaya Madani Malaysia-Indonesia: Perpaduan dalam Perbezaan, saya berasa amat berbesar hati untuk mempersembahkan hasil penulisan yang berharga ini sebagai bukti usaha gigih kami dalam menyemarakkan perpaduan antara dua negara serumpun, Malaysia dan Indonesia. Program tersebut merupakan program kunjungan balas kepada Pihak Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang (AKM 2009), Indonesia yang berkunjung ke Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan Budaya (CiTRA), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 8-10 September 2024 dalam Program Lawatan dan Muhibbah Seni 2024 Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang dan Sanggar Seni Paraba Sidi Bali, Indonesia.

Perjalanan program yang berlangsung selama tujuh hari yang meliputi lima hari di Malang dan dua hari di Bali, memberi kami peluang untuk berinteraksi dengan pelbagai pihak, mempelajari budaya dan tradisi yang berbeza, serta mengenali lebih dekat lagi potensi

perpaduan dalam kepelbagaian. Lawatan ke Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang (AKM 2009) di Jawa Timur memberi kami pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengamalan agama dan budaya di Indonesia, yang mana banyak pengajaran dapat kami kutip. Keunikan budaya dan keramahan masyarakat di sana membuka mata kami tentang betapa pentingnya jalinan hubungan yang kukuh antara negara kita.

Program kunjungan balas ini memberikan pengalaman yang indah dan sangat bererti kepada kami kerana program ini bukan sahaja menghubungkan dua negara, tapi juga telah menjadi titik tolak kepada gabungan dua Institut Pengajian Tinggi Malaysia, iaitu Pusat Seni dan Budaya Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan Budaya (CiTRA), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menganjurkan program bersama-sama dalam usaha memperkenalkan budaya Malaysia, di samping memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pendidikan antara yang terbaik di dunia.

Konsep Madani yang kami terapkan sepanjang perjalanan program ini, iaitu nilai hormat, kesejahteraan, daya cipta, ihsan, dan keyakinan benar-benar diaplikasikan oleh semua peserta yang terlibat dalam program ini. Dengan penghasilan buku ini menjadikan Program Silang Budaya Madani Malaysia-Indonesia: Perpaduan dalam Perbezaan akan berterusan menjadi ingatan dan kenangan sehingga membentuk kemampanan dalam hati mereka.

Penulisan buku ini merupakan gabungan pengalaman yang dialami sendiri oleh peserta yang terlibat dalam kunjungan ke Malaysia (anak-anak pesantren) dan dari Malaysia, anak-anak dari Kelab

Kebudayaan bawah naungan CiTRA, UIAM. Namun begitu, penerbitan buku ini tidak terlepas daripada cabaran. Dari aspek logistik, perbezaan bahasa, serta penyesuaian budaya, setiap cabaran yang kami hadapi memberikan pengalaman berharga untuk memahami maksud sebenar perpaduan dalam perbezaan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan. Terutama sekali kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan (STADD) UIAM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Pusat Seni dan Budaya UUM, Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) serta para pelajar yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Tanpa kerjasama yang erat daripada semua, program ini tidak akan dapat direalisasikan.

Semoga buku ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang perjalanan kami, serta membuka ruang untuk lebih banyak program silang budaya yang dapat memperkukuh hubungan Malaysia-Indonesia. Semoga buku ini juga menjadi satu sumbangan kecil dalam usaha kita untuk mempererat perpaduan dan mengharmonikan hubungan antara dua negara serumpun ini. Akhir kata daripada saya:

“Kenangan itu untuk dirindui,
Pengalaman pula untuk dikongsi bersama-sama.”

YBrs. Puan Roslimna binti Mohmmmed Saad
Ketua Jabatan
Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan Budaya (CiTRA)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Seikat Kata

Alhamdulillah. Segala kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan perkenan-Nya, buku "Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua" telah berjaya disiapkan. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sebesar-besar tahniah kepada semua yang terlibat dalam penghasilan buku ini kerana telah berjaya menyiapkan susunan catatan kembara dalam buku ini setelah melalui proses penerbitan yang agak panjang.

Secara peribadi, apabila membaca catatan kembara dalam buku ini, saya teringat akan kenangan bersama-sama delegasi UIAM ke Malang dan Bali, Indonesia. Kisah-kisah dalam buku ini seumpamanya telah menyingkap tabir kenangan yang sungguh berharga dalam rangka program silang budaya. Di samping itu, saya berasa sungguh teruja atas penghasilan buku ini kerana menjadi bukti dan saksi keindahan Indonesia dan Malaysia, terutamanya nilai persahabatan yang begitu bermakna bagi saya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pak Agung Adrianto, Pak Kiai Haji Adib Fanani dan seluruh warga Pondok Pesantren Assalafi Al Fitrah Malang (AKM 2009) kerana memberikan sokongan padu dalam penghasilan buku ini. Turut tidak dilupakan sahabat-sahabat dari UIAM, iaitu Puan Roslimna Mohmmmed Saad (Ketua Jabatan CiTRA UIAM), kakitangan dan pelajar yang terlibat dalam kembara silang budaya ini. Tanpa kerjasama dan sokongan daripada semua, sudah tentu kembara silang budaya tidak menjadi kenyataan dan karya-karya indah daripada penulis Malaysia dan Indonesia tidak dapat disajikan kepada para pembaca.

Akhir kata, saya berharap agar jalinan kerjasama dan silaturahmi yang terjalin antara kita berkekalan. Saya juga turut berharap agar kisah-kisah yang terkandung dalam buku ini dapat dijadikan pengajaran dan inspirasi untuk terus mencintai agama, budaya, bahasa dan adat resam di Nusantara.

Selamat menikmati karya-karya indah!

YBrs. Dr. Mohd Azhar @ Azmeer bin Abu Bakar
Pengarah
Pusat Budaya dan Seni
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Seperdu Budaya

Pertama-tama, marilah kita mengucapkan rasa syukur ke hadirat Allah SWT, yang telah memberikan kemampuan kepada para penulis untuk menuangkan pengalaman mereka dalam bentuk tulisan, yang mana telah dikumpulkan dan diterbitkan dalam buku “Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua”. Buku ini merupakan kumpulan dari tulisan-tulisan yang menceritakan pengalaman, isi hati dan pikiran dari para guru, staf dan murid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan anak-anak Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang.

Semua berawal dari kunjungan budaya Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang bersama dengan Yayasan Paraba Sidi Bali ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 8-10 September 2024. Sebuah kunjungan yang sangat berkesan mendalam bagi kedua belah pihak, dan sejak saat itu kedua belah pihak saling berbalas kunjungan dalam menjalin kerjasama yang lebih erat untuk dapat memberikan manfaat positif bersama-sama.

Ide pembuatan buku ini datang dari seorang pengajar di UIAM, yaitu Ibu M Mascitah binti Mansor. Beliau memberikan ide agar semua murid Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang yang pernah berkunjung ke UIAM untuk menuangkan pengalaman mereka dalam bentuk tulisan dan kemudian dikompilasi bersama dengan tulisan dari para pengajar dan murid UIAM yang pernah berkunjung Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang, serta diterbitkan dalam sebuah buku. Buku yang merupakan catatan sejarah yang tidak akan tergantikan dan diharapkan dapat memberikan inspirasi serta pengetahuan baru bagi para pembacanya.

Terima kasih kepada Ibu Roslimna binti Mohmmed Saad, Bapak Dr. Mohd Azhar @ Dr. Azmeer bin Abu Bakar, Ibu Mascitah binti Mansor, Bapak Akhmal Hakim bin Mohamad, serta semua pihak dari UIAM atas arahan dan petunjuk kepada kami, sehingga anak didik kami dapat menuliskan pengalaman, isi hati dan pikiran dalam buku ini. Sungguh suatu kebanggaan bagi kami bisa memberikan kontribusi dalam penulisan buku ini. Kiranya kami berharap agar buku ini dapat memberikan inspirasi bagi para pembacanya, utamanya mengenai keabadian, rangkaian kata dalam tulisan akan membuat sebuah pengalaman yang dialami menjadi pengalaman yang abadi, bukan sekadar ingatan.

Sekian, terima kasih.

Agung Andrianto
Kepala Pimpinan
Yayasan Al Khidmah Malang Raya (AKM 2009)

Segara Tinta

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang dengan rahmat dan izin-Nya, buku ini dapat diterbitkan dan dikongsikan kepada masyarakat. Sebagai Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Masyarakat, saya ingin merakamkan rasa kesyukuran yang mendalam kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Program Silang Budaya Madani Malaysia-Indonesia: Perpaduan dalam Perbezaan dan penghasilan buku travelog ini. Penerbitan buku ini merupakan pencapaian yang sangat bermakna, bukan sahaja untuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), tetapi juga untuk memartabatkan seni dan budaya Malaysia serta Indonesia di persada dunia.

Program ini telah memberikan peluang kepada para peserta untuk mengenali dengan lebih mendalam tentang seni, budaya dan warisan kedua-dua negara. Malah, program ini juga berjaya memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya serta mengukuhkan lagi hubungan dengan Indonesia yang juga terkenal dengan kepelbagaian budaya yang unik. Perpaduan dalam perbezaan yang berteraskan konsep 'Silang Budaya Madani' yang menjadi tema utama program ini jelas terbukti melalui lawatan dan pengalaman yang penuh bermakna sepanjang program berlangsung. Hal ini telah berjaya memupuk semangat kecintaan kepada budaya dan seni.

Program ini telah berjaya mencapai sasaran dan tujuan utama, iaitu berkongsi budaya dan seni, dan yang

membanggakan ialah hasil daripada kejayaan, pengalaman dan perasaan para peserta telah dikongsi dalam penulisan buku yang dikenali sebagai 'Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua'. Buku ini sangat indah dengan garapan dan pemilihan kata kerana penulisan yang lahir daripada hati.

Pada kesempatan ini, saya ingin memberikan penghargaan kepada CiTRA, UIAM atas usaha cemerlang dalam penghasilan buku ini. Buku ini bukan sahaja menceritakan pengalaman berharga yang dikongsi antara kedua-dua universiti, tetapi juga merupakan satu usaha yang pertama kali dilakukan antara dua Pusat Seni dan Budaya universiti awam ini. Gabungan ini menunjukkan betapa pentingnya kerjasama untuk memperkenalkan seni dan budaya negara kita dengan menerapkan enam nilai teras Malaysia MADANI yang menekankan nilai kesejahteraan, hormat, keyakinan diri, daya cipta, ihsan, kemajuan dan perpaduan dalam masyarakat. Maka, menerusi penulisan buku ini, nilai-nilai tersebut dapat diterapkan. Oleh itu, Program Silang Budaya Madani Malaysia-Indonesia: Perpaduan dalam Perbezaan tidak hanya bermanfaat kepada para peserta sahaja, tetapi juga membuka ruang kepada pengembangan ilmu dan pemahaman budaya antara dua negara dengan lebih luas.

Harapan saya agar buku ini menjadi sumber inspirasi dan pembelajaran bagi kita semua. Semoga permulaan ini akan dapat menggalakkan lebih banyak lagi program silang budaya yang memupuk semangat perpaduan antara negara, serta meningkatkan hubungan antara universiti di Malaysia dengan Indonesia. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat

dalam menjayakan projek penulisan buku ini dan semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Akhir kata daripada saya:

"Jangan takut tulisanmu dibaca, takutlah jika ia hanya tinggal di kepala. Tulisan yang tidak sempurna lebih baik daripada idea yang tidak pernah diluahkan."

Salam Malaysia Madani.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan bin Noordin
Timbalan Rektor
Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Masyarakat
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Serimba Bahasa

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT atas segala rahmat dan kurnia-Nya, akhirnya usaha kita dalam merealisasikan Program Silang Budaya Madani Malaysia Indonesia: Perpaduan dalam Perbezaan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk sebuah buku yang penuh makna. Sebagai Timbalan Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia (UUM), saya berasa amat bangga dengan pencapaian ini, dan rasa syukur yang mendalam kerana perjalanan ini telah mempererat hubungan antara kedua-dua negara, Malaysia dengan Indonesia serta memberikan pengalaman yang tidak ternilai kepada wakil kami, iaitu YBrs. Dr. Mohd Azhar @ Dr. Azmeer bin Abu Bakar, selaku Pengarah Pusat Kebudayaan Seni dan Budaya UUM yang turut serta dalam program ini.

Penghasilan buku travelog yang bertajuk “Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua” ini merupakan satu perkongsian pengalaman yang dialami sendiri oleh pihak yang terlibat. Di dalam buku ini para penulis berkongsi rasa, berkongsi perasaan dan yang paling bermakna berkongsi budaya dan kesenian kepada pihak Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang dan pihak Sanggar Seni Paraba Sidi, Bali. Satu program silang budaya yang sangat memberikan pengertian yang terkesan.

Buku ini merupakan hasil usaha murni yang patut diteruskan, sebagai satu langkah penting untuk memperkukuh jalinan budaya dan memperkenalkan Malaysia sebagai hab pendidikan yang berprestij. Penulisan travelog ialah cermin jiwa, saksi peristiwa dan penyubur kenangan. Dalam proses menulis dan merangkai setiap kata, tersulamnya perasaan yang ingin

dikongsi kepada pembaca. Sebuah penulisan travelog yang penuh dengan keindahan dan kerinduan untuk dirasakan, diselami, dan membagikan isi hati.

Kerjasama antara Pusat Seni dan Budaya daripada dua buah universiti awam yang terkemuka, iaitu UUM dengan UIAM, telah menghasilkan gabungan kerjasama yang sangat bermakna. Kerjasama ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara kedua-dua institusi ini, tetapi juga memberikan manfaat yang besar untuk memperkenalkan nilai-nilai seni, budaya, dan pendidikan yang tinggi kepada masyarakat.

Saya memuji usaha yang telah dilakukan dalam penghasilan buku puisi ini. Setiap aksara yang tertera di dalamnya mencerminkan rasa kerinduan, rasa kebahagiaan dan kesungguhan yang menggambarkan hubungan perpaduan antara dua negara yang amat berharga antara kita.

Harapan saya, agar karya ini menjadi batu loncatan untuk pengukuhan hubungan kesenian antara UUM dengan UIAM, serta memberikan inspirasi untuk lebih banyak lagi projek kerjasama pada masa akan datang.

Terima kasih untuk setiap langkah yang ditempuh,
pada setiap jejak yang memberikan bekas,
untuk setiap senyum yang tak pernah lelah,
menghiasi hari, mengisi ruang dengan cahaya.


YBrs. Prof. Dr. Ahmad Martadha bin Mohamed
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Senarai **KANDUNGAN**

Prabicara	i
Serumpun Budi	v
Seikat Kata	ix
Seperdu Budaya	xi
Segara Tinta	xii
Serimba Bahasa	xvii
Senarai Kandungan	xix

TRAVELOG KELANA MALAYSIA

Air Mataku Tumpah di Malang Jentayu Kencana	3
Budaya Tanpa Sempadan: Aku Ustaz di Malang Dr. Azmeer	13
Sekaki Payung Penawar Rindu Kemilau Adiwarna	25
Aku, Buku dan Lagu GadiSawah	33
Sepanjang Jalan Kenangan: Malaysia-Indonesia Ratna Puspita	41
Menelusuri Sempadan Negara Sakinah Sardar	53



Menanti Satu Perjalanan Misteri: Doa Menjadi Pembimbing, Tawakal kepada Ilahi 61
Ridhzuan Al-Halim

TRAVELOG KELANA INDONESIA

Kisah Malaysia 71
Letycia Najwa Rahmawati Kurniawan

Jejak Kaki Di Negeri Jiran 77
Mau'Idhotul Dewi Masyithoh

Keindahan Mengenal Budaya 85
Nadhifa Amelia Ramadhani

Di Bawah Dua Langit 91
Nazanin Prichelya Putri

Menapakkan Kaki di Tanah Melayu Asli 99
Nur Alfianisa Anggraeni

Melangkah di Tanah Penuh Keajaiban 107
Nur Alfianita Anggraeni


Silang Budaya di Malaysia 113
Nur Lutfiyah

Menapak Tanah di Negeri Jiran 119
Nur Maulidia Hikmah



Tampil di Malaysia 125
Putri Ainiyah




XX




Pengalaman Spektakuler di Negara Tetangga Salma Amaliyatus Sholihah	131
Pijakan Pertama di Negeri Jiran Veriska Putri Aprilia	137
Perjalanan Pertama di Negeri Jiran Vindy Putri Oktoria	143
Keberagaman Budaya yang Harus Dilestarikan Zahira Aryanti Putri	153
Kenangan Manis di Tanah Serumpun Zulva Amaliyah Husna	159
Tinta Kelana	167
Kelana Malaysia	169
Kelana Indonesia	175
Tinta Penyelenggara	183
Suluh Tinta Kelana Indonesia	185





Kelana Malaysia





Roslimna Mohmmmed Saad

Jentayu Kencana

Ketua Jabatan
Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan
Budaya (CiTRA)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)

Merangkap Pensyarah
Divisyen Bahasa Melayu
Pusat Bahasa dan Pembangunan
Akademik Prauniversiti (CELPAD)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)



Dr. Mohd Azhar Abu Bakar

Dr. Azmeer

Pengarah
Pusat Seni dan Budaya
Universiti Utara Malaysia (UUM)





M Mascitah Mansor

GadiSawah



Pensyarah
Divisyen Bahasa Melayu
Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik
Prauniversiti (CELPAD)

Merangkap Pengetua
Mahallah Maryam
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)



Akhmal Hakim Mohamad

Kemilau Adiwarna

Pensyarah
Divisyen Bahasa Melayu
Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik
Prauniversiti (CELPAD)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)





Shazlina Shafei

Ratna Puspita

Penolong Pengarah
Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan
Budaya (CiTRA)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)



Noorsakinah Sardar Hussain

Sakinah Sardar

Pelajar Tahun Keempat
Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu
Komunikasi Antarabangsa
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)





Muhammad Ridhzuan Abdul Halim

Ridhzuan Al-Halim

Pelajar Tahun Keempat

Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)

Tinta Penyelenggara

Projek buku “Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua” ini telah berjaya menjangkau dakapan pembaca hasil daripada ketekunan dan iltizam daripada barisan penyelenggara, iaitu:



*Encik Akhmal
Hakim Mohamad*
Pensyarah UIAM

*Puan M Mascitah
Mansor*
Pensyarah UIAM,

*Dr. Mohd Azhar @
Azmeer Abu Bakar*
Pensyarah UUM,

*Puan Roslimna
Mohammed Saad*
Pensyarah UIAM,

Merangkap Pengetua, Merangkap Pengarah,
Mahallah Maryam Pusat Budaya dan Seni
UIAM UUM

Merangkap Ketua
Jabatan,
Pusat Pembangunan
Kelestarian Seni dan
Budaya UIAM

Semoga kisah kembara dalam buku ini memberikan pengajaran dan juga menjadi bukti keindahan budaya kedua-dua negara serumpun, Malaysia-Indonesia.

Usaha untuk menceritakan pengalaman ketika melancong di luar negara menerusi lisan merupakan sesuatu yang mudah. Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan penceritaan menerusi penulisan kerana penulis perlu memanifestasikan keindahan dan gaya bahasa yang menarik untuk menggambarkan pengalaman tersebut agar menyentuh resap ke dalam relung hati pembaca. Oleh hal yang demikian, atas iltizam tinggi untuk memotret pengalaman melancong di luar negara, Pusat Pembangunan Kelestarian Seni dan Budaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (CiTRA UIAM) dengan kerjasama Pondok Pesantren Assalafi Al Fithrah Malang (AKM 2009) telah berembuk dalam penghasilan buku 'Citra Kencana Kembara Nusantara Jilid Dua' ini.

Buku ini mengerahkan usaha para penulis yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar CiTRA UIAM, dan Pondok Pesantren untuk menceritakan pengalaman ketika lawatan silang budaya di Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, buku ini menggarapkan kisah benar yang dialami sendiri oleh penulis dari kedua-dua negara. Sememangnya, setiap kisah yang dipotret dalam setiap lembar buku ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri kerana mementaskan penceritaan dari sudut pandang yang berbeza yang ditekat dengan keindahan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

ISBN 978-629-99343-6-3

